



**PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE**  
**Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,**  
**Jalan Pari Off Jalan Tun Abdul Razak,**  
**30100 Ipoh,**  
**Perak Darul Ridzuan.**

No. Telefon : 05-5018400 (Am)  
05-5018401 (KHS)

No. Faks : 05-5018540 (KHS)  
05-5018522 (Am)

---

Ruj. Kami : JKSPk 100-5/1 (52)  
Takwim : 28 Jamadilawal 1433H  
Tarikh : 02 Mei 2012M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah  
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah  
Perak Darul Ridzuan

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah  
Perak Darul Ridzuan

**Arahan Amalan**  
**Ketua Hakim Syarie Negeri Perak**  
**No.1 Tahun 2012**

**Dokumen Yang Perlu Ada bagi Kes Pengesahan**  
**Perkahwinan Selain Berpoligami**

Saya ingin menarik perhatian Y.A./Tuan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Undang-undang, Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 2<sup>hingga</sup> 3 Mac 2013 di Mahkamah Syariah Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan telah bersetuju dan mengesahkan bahawa Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Negeri Perak No. 5 Tahun 2007 berkaitan dengan perenggan (i) iaitu; *Apa-apa bukti sama ada kertas pertuduhan daripada Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam yang berkenaan atau sabitan atau hukuman atau bukti bayaran denda daripada mana-mana Mahkamah Syariah berkenaan di bawah seksyen 42 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992 adalah **dibatalkan.***

Dokumen yang perlu ada bagi Permohonan Pengesahan Perkahwinan Berpoligami adalah seperti berikut;

- a. Permohonan.
- b. Afidavit Pemohon.
- c. Apa-apa afidavit Tambahan yang berkaitan.
- d. Surat Pengesahan serah diri daripada Bahagian Penguatkuasa Agama Islam
- e. \*Salinan Kad Pengenalan.
- f. \*Salinan sijil nikah yang hendak disahkan.
- g. \*Salinan Pengesahan pemastautin atau bermukim.
- h. \*Salinan surat Perakuan Nikah/Cerai/Rujuk/Mati.
- i. \*Salinan pasport atau pas sempadan (sekiranya ada).
- j. \*Salinan Kad Pengenalan saksi (sekiranya ada)
- \*semua salinan hendaklah diperakui sah oleh Pegawai Pengurusan Profesional / Penghulu / Pegawai yang setaraf dengannya.
- k. Kebenaran Pegawai Pemerintah bagi anggota Angkatan Tentera Malaysia dan anggota polis.
- l. Pengesahan tauliah wali (sekiranya ada).
- m. Pengesahan status pihak-pihak.
- n. Lain-lain dokumen sokongan (sekiranya perlu dan berkaitan).

Arahan ini adalah berkuatkuasa mulai 2 Mei 2012



**(DATO' HAJI MUHAMAD ASRI BIN HAJI ABDULLAH)**  
Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah  
**PERAK DARUL RIDZUAN**